



Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang

Solihah Mustafa¹, Mazdi Marzuki¹, Ruzanna Syamimi Ramli², Jabil Mapjabil², Mohammad Kadir Zainal Abidin², Mohamad Pirdaus Yusoh²

¹Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, ²Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah

Correspondence: Solihah Mustafa (email: solihah_mustafa@yahoo.com)

Abstrak

Meskipun kajian tentang tapak warisan dunia di peringkat antarabangsa telah bermula sejak tahun 1945, namun kajian tentang pemuliharaan bandar tapak warisan dunia di Malaysia masih lagi kurang. Kajian ini mengenal pasti program tapak warisan UNESCO di bandar George Town, Pulau Pinang yang melibatkan komuniti tempatan; meneliti bentuk, jenis dan tahap penglibatan komuniti tersebut; dan mencadangkan langkah-langkah meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti pemuliharaan bandar kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian. Dapatkan kajian daripada 27 orang responden menunjukkan bahawa hanya 20.6% responden sahaja yang pernah terlibat dengan aktiviti pemuliharaan. Oleh itu, boleh dirumuskan tahap penglibatan komuniti secara keseluruhannya masih lagi rendah. Dapatkan kajian temu bual mendalam dengan pegawai mendapat banyak program atau projek pemuliharaan yang dijalankan. Namun, kebanyakan program ini hanya tertumpu kepada kumpulan tertentu seperti pemilik rumah atau bangunan, kontraktor, ahli akademik dan pihak pengurusan. Kajian ini turut mendapat majoriti komuniti berminat terhadap proses pemuliharaan tetapi tidak dilibatkan. Secara keseluruhan, bentuk penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan adalah bersifat tidak ketara (*intangible*). Komitmen pihak berkepentingan dari sudut pengurusan, pemantauan dan pendanaan adalah penting dalam memastikan kelestarian warisan berterusan. Dapatkan ini penting kepada pembuat dasar seperti Jabatan Warisan Negara untuk meneliti semula tahap, jenis dan bentuk penglibatan komuniti agar menepati aspirasi komuniti dan bandar lestari.

Katakunci: konservasi warisan, penglibatan komuniti tempatan, pengurusan bandar, pengurusan warisan lestari Pulau Pinang, UNESCO

Management of UNESCO heritage city and local community involvement: A case study of George Town, Penang

Abstract

Although at the international level studies on community involvement in the management of UNESCO heritage sites have begun since 1945, in Malaysia such studies only started in 2000. To fill this gap this study examined the extent, form and challenges of community involvement in the conservation of Penang's world heritage site of George Town. In-depth interviews with 27 respondents revealed that only 20.6% of them had been involved in conservation activities thus denoting the low level of community involvement is still low in current heritage sites conservation. In-depth interviews with officials found that numerous conservation programmes or projects were implemented but that they mostly focused on particular groups such as owners of homes or buildings, contractors, academicians and bureaucrats, to the exclusion of interested members of the local community who. Given the

relative absence of tangible community involvement the commitment of stakeholders with respect to management, monitoring and funding became all the more important in ensuring heritage sustainability. Hence the relevance of these findings to the National Heritage Department in factoring future community involvement into the conservation task of heritage sites.

Keywords: heritage conservation, local community participation, Penang, sustainable heritage management, UNESCO heritage site, urban management

Pengenalan

UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) atau Organisasi Pendidikan, Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan merupakan badan khusus PBB yang ditubuhkan pada tahun 1945. Tujuan utama penubuhan UNESCO adalah untuk menjadi platform perbincangan antara tamadun, budaya dan masyarakat, berdasarkan rasa hormat kepada nilai-nilai yang dikongsi bersama. Melalui perbincangan tersebut diharap dapat mencapai visi global pembangunan lestari yang merangkumi pematuhan, hak asasi manusia, saling menghormati dan pembasmian kemiskinan yang turut melibatkan semua yang terdapat dalam misi dan aktiviti UNESCO. Seterusnya, UNESCO mempunyai matlamat yang luas dan objektif yang kukuh seperti yang dinyatakan dalam matlamat pembangunan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa, termasuklah Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). Oleh itu, kecekapan UNESCO dalam bidang pendidikan, sains, budaya dan komunikasi dan maklumat menyumbang ke arah merealisasikan matlamat MDG. Misi UNESCO adalah untuk menyumbang ke arah keamanan, pembasmian kemiskinan, pembangunan lestari dan dialog antara budaya melalui pendidikan, sains, kebudayaan, komunikasi dan maklumat (UNESCO, 1994). Warisan merupakan khazanah yang penting kepada negara dan menjadi aset untuk menarik kedatangan pelancong. Di kebanyakan tempat di dunia, warisan dijadikan sebagai komponen utama dalam pembangunan pelancongan (Er Ah Choy et al., 2014). Di Malaysia, terdapat empat Tapak Warisan Dunia (TWD) yang mendapat pengiktirafan UNESCO. Pertama, Taman Negara Kinabalu yang diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1964. Taman Negara Kinabalu kaya dengan spesies tumbuhan berbunga, paku-pakis dan orkid. Oleh itu, Taman Negara Kinabalu telah mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai TWD pada tahun 2000 atas keunikan alam semula jadinya. Pada tahun yang sama, Taman Negara Mulu turut diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia kerana keunikan Puncak Pinnacles di sekitarnya. Taman Negara Mulu diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1974. Kedua-dua tapak warisan ini berada dalam kategori warisan semula jadi (Rozaini, 2013). Pada 7 Julai 2008, dua tempat bersejarah di Malaysia iaitu Melaka dan George Town telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (TWD) bagi kategori budaya (Bandar Warisan Dunia - BWD). Pengiktirafan ini dilakukan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (A. Ghafar, 2010). Manakala yang terbaru iaitu pada Julai 2012 pula, Lembah Lenggong telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia kesan daripada penemuan rangka Perak Man pada 2001 dan Perak Women pada 2004.

Tinjauan bahan literatur

Perkembangan tapak warisan dunia di Malaysia

Aktiviti pelancongan yang berteraskan warisan semakin berkembang pesat di negara-negara sedang membangun, tidak terkecuali Malaysia. Kebanyakan pusat tarikan pelancongan adalah bandar-bandar warisan yang diisyiharkan sebagai tapak warisan dunia (Mohamad Zaki Ahmad et al., 2008). Pemuliharaan bandar di Malaysia bermula dengan aktiviti-aktiviti pemuliharaan bangunan dan kerja-kerja ekskavasi tapak-tapak bersejarah. Melalui penelitian sejarah, tahun 1960-an bolehlah dianggap sebagai titik permulaan terhadap aktiviti pemuliharaan bandar di Malaysia. Pada awal tahun 1960-an, kerja-kerja

pemuliharaan didapati tertumpu di sekitar Lembah Bujang, Kedah. Pada tahun 1959-1961, kerja-kerja pembinaan semula telah dijalankan oleh Dr. Alaistair Lamb dengan bantuan M. Louis Contant dari Perancis yang pernah terlibat dalam pembinaan semula Candi Angkor di Kemboja (Mohd Supian, 2002:26).

Tapak warisan dunia Melaka dan Pulau Pinang

Pada 7 Julai 2008, pengiktirafan Melaka Bandaraya Bersejarah dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia diumumkan secara rasminya dalam mesyuarat ke-32 UNESCO *World Heritage Committee* di Quebec, Kanada. Proses pencalonan, penyenaraian dan penganugerahan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) perlu melalui banyak proses dan prosedurnya agak sukar. Oleh itu, untuk mengekalkan status tersebut bukan suatu yang patut diambil mudah (Jabatan Warisan Negara, 2008). Bagi tujuan promosi, pihak kerajaan negeri telah mengetengahkan satu slogan iaitu “Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia” secara ringkas sudah dapat memberi gambaran produk pelancongan yang disajikan kepada pelancong, iaitu pelancongan yang bertemakan warisan sejarah dan budaya masyarakat (Er Ah Choy, 2013).

Pengiktirafan UNESCO untuk tapak warisan di Melaka membabitkan kawasan seluas 214.6 hektar meliputi dua kawasan iaitu zon utama dan zon penampan. Zon utama termasuk kawasan sekitar Bukit St Paul serta Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Hang Jebat (Jonker Walk) serta beberapa batang jalan lain hingga Jalan Kampung Pantai. Zon penampan pula di sekitar Jalan Merdeka, Jalan Kota Laksamana, Jalan Munsyi Abdullah, kampung Banda Kaba serta beberapa kawasan lain termasuk Bukit China. George Town pula kawasan zon teras dan zon penampan adalah seluas 259.4 hektar. Kawasan seperti Lorong Love, Pengkalan Weld Lebuh Pantai, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Light, Lebuh Bishop, Lebuh Pasar serta beberapa lebuh lain. Zon penampan pula meliputi kawasan sepanjang laut di kawasan pelabuhan Jalan Perangin di bahagian tenggara dan Jalan Transfer di bahagian timur laut (Kamarul Syahril, 2009).

Di Melaka, sememangnya terkenal dengan keunikan masyarakat Baba Nyonya, Chetti, Portugis dan Chingay yang masih diamalkan sehingga kini. Di samping itu, bandar Melaka juga terkenal dengan warisan peninggalan penjajah daripada era kolonial Portugis, Belanda dan Inggeris. Sebagai contoh, kota A Famosa yang dibina oleh Portugis sebaik sahaja berjaya menawan Melaka pada tahun 1511 (Kosmo, 2013). Manakala bandar George Town pula banyak dipengaruhi oleh penjajah Inggeris khususnya selepas pada tahun 1786. George Town merupakan bandar raya kedua terbesar di Malaysia dengan bilangan penduduk melebihi 700,000 orang. Keunikan yang terdapat di George Town ialah dianggarkan terdapat lebih 4,000 bangunan bersejarah di bandar raya itu yang berunsurkan era kolonial, Islam, Cina, Anglo India dan sebagainya. Sebagai contoh, Rumah Syed Al-Atas, Tokong Khoo Kongsi, Masjid Melayu Lebuh Acheh dan Tokong Yap (Kosmo, 2013).

Perkembangan tapak warisan dunia di Pulau Pinang

Kawasan Lebuh Acheh dan Lebuh Armenian yang terletak di hujung selatan ‘Jalan Muhibbah’ penuh dengan keragaman setempat. Corak khas kotanya terbentuk oleh barisan rumah-rumah kedai yang diselang-seli dengan jalan dan lorong. Dalam kota tua ini tersimpan pusaka seni bina yang menampilkan peradaban kuno di samping tata bandar yang memperagakan warisan sosial yang unik lagi kaya. Selama lebih dua kurun, kawasan ini merupakan wadah tumpuan di Pulau Pinang, hubungan perdagangan, kerjasama dan kebergantungan antara kelompok di pelabuhan George Town (GTWHI, 2010).

Sejak lebuh ini dikenal pasti untuk kelestarian bandar pada tahun 1989, kawasan ini telah ditingkatkan dan dihidupkan kembali melalui usaha awam, pihak swasta dan perbadanan. Tiga projek baik pulih telah memenangi anugerah iaitu banglo (rumah agam) Syed Alatas, Masjid Melayu Acheh dan pentas opera Kongsi Khoo. Meskipun pengusaha budaya memberi rangsangan baru bagi tempat ini, rumah-rumah kedai

masih didiami oleh kaum kerabat dan peniaga kecil-kecilan seperti kedai makanan, runcit dan kitar semula. Memori penghuni asal, keterampilan, kisah dan kekerabatan mereka menjadi bahagian integral warisan tidak ketara yang unik di Lebuh Aceh dan Lebuh Armenian (GTWHi, 2010).

Kawasan tapak warisan George Town terbahagi kepada dua bahagian iaitu zon teras dan zon penampan. Zon teras melibatkan kawasan seluas 109.38 hektar dan mengandungi sebanyak 1,700 buah bangunan. Kawasan ini disempadani oleh persisiran pantai sepanjang utara dan timur dan bahagian utara ke barat ialah sepanjang Love Lane dan Gat Lebuh Melayu, manakala di kawasan barat daya pula disempadani oleh Lebuh Carnarvon. Seterusnya, ialah zon penampan yang melibatkan kawasan seluas 150.04 hektar yang disempadani oleh laut, Jalan Transfer di sebelah barat sehingga Jalan Dr Lim Chwee dan Gat Jalan Prangin di sebelah selatan barat (Jabatan Warisan Negara, 2008).

Kajian tapak warisan dunia untuk warisan bandar

Dalam konteks warisan, UNESCO telah menubuhkan “Pusat Warisan Dunia” bagi merealisasikan matlamat Konvensyen 1972 yang antara lain bertujuan untuk mengenal pasti, memulihara dan mengekalkan warisan yang mempunyai nilai tinggi terhadap peradaban manusia. Antara lain, misi pertubuhan ini termasuklah perkaran yang berikut:

1. Menggalakkan negara-negara ahli menyertai Konvensyen 1972 dan memastikan pemeliharaan terhadap warisan budaya dan warisan semula jadi.
2. Menggalakkan semua negara ahli mencalonkan kawasan yang dikenal pasti untuk senarai warisan dunia.
3. Menggalakkan semua negara ahli melaporkan sistem laporan pemeliharaan terhadap kawasan pemeliharaan warisan.
4. Membantu semua negara ahli melindungi kawasan pemeliharaan warisan melalui latihan profesional dan bantuan teknikal.
5. Menyediakan bantuan kecemasan terhadap kawasan warisan jika ditimpa bencana dan berada dalam keadaan bahaya.
6. Memberikan galakan semua negara ahli mengenai kesedaran awam terhadap aktiviti dalam bangunan untuk memelihara kawasan warisan.
7. Menggalakkan penglibatan penduduk setempat dalam memelihara warisan budaya dan semula jadi.
8. Menggalakkan kerjasam antarabangsa dalam usaha pemeliharaan warisan budaya dan semula jadi.

Kajian warisan bandar di Malaysia

Usaha pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia bermula agak lewat. Kesedaran terhadap pemuliharaan bangunan warisan hanya menyerlah pada sekitar era tahun 1980-an, iaitu pada ketika negara giat merencana pembangunan ekonomi di bawah pemerintahan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Perkembangan bidang pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia bermula di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur dan George Town. Sebagai contoh, projek pemuliharaan bangunan pasar basah Kuala Lumpur pada tahun 1986 telah mencetuskan fenomena dalam amalan pemuliharaan bangunan warisan di negara ini. Pasar basah itu telah dibina pada 1936 dan kini dikenali sebagai Pasar Seni. Manakala di George Town pula, Laporan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1989) telah mengemukakan Garis Panduan Pemuliharaan Bandar bagi mengawal pembangunan dalam zon pemuliharaannya (A. Ghafar, 2010).

Seperti di George Town dan Kuala Lumpur, bandaraya Melaka turut kaya dengan bangunan, monumen dan tapak bersejarah tinggalan penjajah. Menurut Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), semua bangunan warisan di bandaraya Melaka telah diwartakan sebagai harta budaya negara. Sempena pengisytiharan bandaraya Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah pada 15 April 1989, bandar lama Melaka telah

diwartakan sebagai Zon Pemuliharaan Gred 1 dalam Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Melaka Bersejarah (Rosli Nor, 2002).

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Fatimah et al. (2011), hasil kajian inventori bangunan-bangunan warisan Malaysia yang dilakukan oleh Muzium Negara pada tahun 1992 adalah dianggarkan lebih kurang 35,000 buah bangunan sebelum perang yang berada di 265 buah bandar yang dikaji di seluruh negara dan sewajarnya ia perlu dipulihara (Syed Zainol, 1995). Menurut A. Ghafar (2009), sebahagian besar daripada bangunan warisan ini tidak dipulihara dengan baik dan kebanyakannya daripadanya berada dalam keadaan yang usang disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan. Lebih teruk lagi, apabila ada antara bangunan warisan yang sedang diancam kemusnahan kerana diabaikan oleh pemilik asal dan dirobohkan atas desakan pembangunan serta kurang keperihatinan masyarakat dalam usaha untuk memulihara bangunan warisan (Hamilton & Zuraini, 2002).

Menurut Syed Zainol (1995), pemuliharaan bukan hanya tertumpu kepada penjagaan terhadap bangunan-bangunan tertentu secara spesifik dan khusus malah penjagaan termasuklah segala kualiti yang membentuk sesuatu rupa bandar itu. Corak rupa bandar yang ada pada bandar-bandar di seluruh Malaysia adalah nilai budaya yang amat penting, jika lenyap tidak mungkin dapat diganti lagi. Oleh yang demikian, pemuliharaan adalah penting bagi menjamin kesinambungan nilai budaya dan tradisi bandar itu sendiri.

Kajian warisan bandar di Pulau Pinang

Terdapat sebanyak 4,665 buah bangunan warisan yang terdapat dalam Zon Pemuliharaan George Town yang kebanyakannya terletak di empat jalan utama iaitu di Pengkalan Weld, Lebuh Pantai, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lorong Cina. Selain, daripada empat jalan utama ini, sesetengahnya terletak di jalan-jalan lain seperti di Jalan Tun Syed Shah Barakkah, Lebuh Light, Lebuh Bishop, Lebuh Gereja, Lebuh Cina, Lebuh Pasar, Lebuh Armenian, Lebuh Chulia dan Lebuh Aceh (Jabatan Warisan Negara, 2007b). Secara umumnya, kawasan pemuliharaan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ini telah dibahagi kepada dua bahagian iaitu zon teras dan zon penampan. Keluasan kawasan di zon teras adalah sebanyak 109.38 hektar dan melibatkan 2,344 jumlah bangunan warisan. Manakala keluasan zon penampan pula adalah 150.05 hektar dan terdapat sebanyak 2,321 bangunan warisan di kawasan berkenaan. Jumlah keseluruhan keluasan kawasan zon pemuliharaan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah seluas 259.42 hektar (Kamarul Syahril, 2013).

Menurut Dobby (1979) di dalam bukunya “Consevation and Planning”, dijelaskan tentang langkah-langkah dalam mengaplikasikan konsep pengekalan dan pemuliharaan. Di Malaysia, pendekatan pemuliharaan dalam piagam antarabangsa (Piagam Burra) digunakan sebagai rujukan dalam amalan pemulihraan bangunan bersejarah (Jadual 1). Pendekatan yang terkandung dalam piagam Burra diterima pakai dengan meluas di seluruh dunia khususnya di Eropah (Siti Norlizaiha, 2010):

Jadual 1. Pendekatan pemuliharaan


Konsep Pemuliharaan Bandar	Penerangan
Pemuliharaan (<i>conservation</i>)	Kerja-kerja membaik pulih keadaan bangunan dengan menggunakan bahan yang hampir mungkin sama seperti sewaktu bangunan tersebut mula-mula dibina.
Pembaik / Pengembalian semula (<i>restoration</i>)	Kerja-kerja membaik pulih dengan mengekalkan keaslian seni bina dan bahannya kepada suatu masa tertentu yang difikirkan sesuai atau sebaik mungkin seperti asal dan seterusnya hingga ke penggunaan yang asal.
Pembinaan Semula (<i>reconstruction</i>)	Pembinaan semula dilakukan pada bangunan bersejarah yang telah musnah disebabkan oleh faktor manusia dan persekitaran. Pembinaan tersebut menggunakan bahan dan teknik yang asal dalam bentuk asal.
Pengekalan / Pemugaran (<i>preservation</i>)	Kerja-kerja bagi memastikan sesuatu tempat itu dalam keadaan asalnya dan dicegah daripada berlaku sebarang keusangan atau kerosakan.

Sumber: Siti Norlizaiha Harun (2010)

Teori model dalam penglibatan komuniti

Konsep pembangunan lestari telah wujud secara rasminya sekitar tahun 1980-an. Pembangunan lestari didefinisikan sebagai kegiatan yang menjana dan menjamin pertumbuhan ekonomi bagi membina himpunan kekayaan untuk pembangunan prasarana sosial. Kemudahan sosial dan modal insan digunakan untuk menambahbaik kualiti hidup masyarakat. Alam sekitar semula jadi pula kekal dan utuh bermaya bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk di sesuatu tempat; sumber asli digunakan secara tersusun dan berhemah demi menjamin kelangsungan hidup masa depan bukan sahaja untuk diri sendiri, akan tetapi untuk masa depan anak cucu yang bakal menghuni kawasan yang sama suatu hari nanti. Perkaitan antara ketiga-tiga dimensi dalam konsep pembangunan lestari tersebut dapat dinilai menerusi dasar pembangunan yang ditentukan oleh pihak pemerintah. Menurut Kadir Kabir (2006) dan Girarde (1992), "sesebuah bandar dengan penduduknya menikmati kualiti hidup yang tinggi agar masalah sosio-ekonomi, alam sekitar dan kesihatan tidak dipindah ke tempat lain atau kepada generasi akan datang".

Teori ini jelas menunjukkan kepentingan komuniti bandar dalam pengurusan dan pemuliharaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Perkaitan teori ini diperlihatkan dengan kewujudan komuniti bandar yang turut meliputi aspek ekonomi, politik, aktiviti sosial dan pengurusan alam sekitar di kawasan kajian (Rajah 1).



Sumber: David (1992)

Rajah 1. Konsep Pembangunan Lestari

Metodologi kajian

Metodologi penyelidikan ini melibatkan kutipan data, analisis data dan menterjemahkan data dalam bentuk jadual, rajah dan foto. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual mendalam dan pemerhatian di samping rujukan pelbagai sumber sekunder. Untuk kaedah temu bual secara mendalam, penyelidik telah memilih dua puluh tujuh orang responden yang terdiri daripada komuniti di sekitar tapak

warisan dan penduduk Pulau Pinang. Latar belakang responden yang dipilih untuk kajian ini adalah berbeza-beza mengikut kawasan iaitu zon teras dan zon penampang. Soalan yang diajukan semasa sesi temu bual mendalam disediakan dalam bentuk borang senarai soalan. Di samping itu, penyelidik turut merakam sesi temu bual, mencatat maklumat dan data serta mengambil gambar sesi temu bual tersebut. Data sekunder diperolehi daripada pelbagai sumber seperti buku, risalah, laman sesawang, majalah, jurnal dan buletin. Semua data dan maklumat ini digunakan untuk mengetahui sejauh mana penglibatan komuniti awam terhadap pemuliharaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kawasan kajian

Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia (Rajah 2). Negeri ini diberi nama bersempena dengan pokok pinang dan ia merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia. Negeri ini dikenali sebagai Pulau Mutiara atau “*Pearl of the Orient*”. Pulau Pinang adalah negeri kedua terkecil di Malaysia selepas Perlis. Walaupun keluasan negeri ini adalah kecil, namun ia mempunyai jumlah penduduk yang ramai iaitu 1.56 juta orang dengan kepadatan penduduk 1,490 orang setiap km persegi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Pulau Pinang terletak pada kedudukan garis lintang antara $5^{\circ} 15' U$ hingga $5^{\circ} 30' U$ dan garis bujur $100^{\circ} 9' T$ hingga $100^{\circ} 21' T$. Negeri ini beriklim Khatulistiwa iaitu panas dan lembap sepanjang tahun dan menerima sinaran matahari dengan anggaran 6-8 jam sehari. Suhu hariannya adalah antara $27^{\circ} C$ hingga $30^{\circ} C$ pada waktu siang, manakala suhu pada waktu malam pula dalam julat $22^{\circ} C$ hingga $24^{\circ} C$. Oleh itu, min suhu tahunan negeri ini ialah $27.5^{\circ} C$, manakala julat suhu tahunannya pula kecil iaitu antara $1^{\circ} C$ hingga $3^{\circ} C$. Pulau Pinang menerima min hujan tahunan antara 2000 mm hingga 3000 mm (Chan, 1991).



Sumber: Rancangan Kawasan Khas TWD (2013).

Rajah 2. Peta George Town, Pulau Pinang

Dari segi penduduk pula, Pulau Pinang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Berdasarkan banci penduduk 2010, penduduk Pulau Pinang adalah seramai 1,526,324 orang. Daripada jumlah ini, 654,828 orang (42.9%) adalah terdiri daripada bangsa Cina, Melayu – 622,578 (40.8%); India – 149,905 orang (9.8%); Bumiputera Lain – 5,999 orang (0.4%); Lain-lain bangsa – 5,243 orang (0.3%) dan bukan warganegara Malaysia - 87,771 orang (5.8%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Rajah 3 menunjukkan kawasan kajian yang dipilih oleh penyelidik. Lokasi kajian penyelidikan adalah tertumpu di kawasan Timur Laut Pulau Pinang. Kawasan pengutipan data yang dilakukan oleh penyelidik adalah terbahagi kepada dua kawasan iaitu zon teras dan zon penampan. Antaranya ialah seperti Padang Kota Lama, Little India, Komtar dan sekitar George Town Street Art.



Sumber: Rancangan Kawasan Khas TWD (2013).

Rajah 3. Kawasan kajian George Town

Hasil kajian dan perbincangan

Menurut Yazid (2010), proses pemuliharaan perlu melibatkan masyarakat dan komuniti, terutamanya mereka yang tinggal dalam ataupun berhampiran dengan sesebuah kawasan, tapak dan bangunan yang bakal melalui proses pemuliharaan. Penglibatan masyarakat dapat memberikan kesedaran dan pendidikan tentang perlunya proses pemuliharaan itu dilaksanakan. Dalam konteks ini, penglibatan, latihan, seminar dan sebagainya adalah contoh yang terbaik untuk meningkatkan tahap penglibatan komuniti.

Analisis bentuk penglibatan komuniti

Bentuk penglibatan komuniti terbahagi kepada dua bentuk iaitu bentuk ketara atau nyata (*tangible*) dan bentuk tak ketara atau tak nyata (*intangible*). Hasil kajian mendapati 8 orang responden (R6, R14, R15, R22, R23, R25, R26 dan R27) terlibat dalam bentuk nyata (*tangible*). Kesemua responden ini pernah melihat dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di tapak warisan. Kebanyakan responden yang terlibat mempunyai jawatan dalam persatuan dan hanya komuniti yang betul-betul berminat dengan warisan. Boleh dikatakan bentuk penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan bandar masih kurang. Dapatkan

kajian ini disokong oleh penyelidik terdahulu. Menurut Yazid (2000) dan Paiman (2002), tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan pemuliharaan bandar masih belum mencapai tahap yang terbaik. Berikut adalah hasil temu bual yang menunjukkan penglibatan bentuk *tangible* responden.

Memberikan cahaya kepada benda yang lama dan warisan lama, juga ada pemberian dana oleh Jabatan Warisan. Berminat sebab saya dalam komuniti ini merupakan Lembaga Urus Zakat Pulau Pinang dan terlibat dalam NGO (R6, Lelaki, India Muslim, 50 Tahun).

Namun begitu, terdapat responden yang tahu dan berminat mengenai aktiviti pemuliharaan warisan George Town tetapi masih belum pernah melibatkan diri dengan sebarang aktiviti yang berkaitan. Bentuk penglibatan responden ini ialah *intangible* iaitu tidak nyata. Seramai 9 orang responden (R1, R2, R9, R10, R16, R17, R18, R21 dan R24). Kesedaran tentang pentingnya penjaga warisan itu ada tetapi masih tiada sebarang tindakan yang dijalankan. Kebanyakannya memberikan alasan tiada masa dan berminat jika aktiviti yang dijalankan menarik minat mereka. Menurut Jeniffer (2000), di Malaysia walaupun pelbagai usaha dan dasar telah dijalankan dan dilaksanakan, namun hasilnya agak mendukacitakan. Menurut pemerhatian penyelidik, kebanyakannya komuniti tinggal di kawasan tapak warisan sudah melebihi 20 tahun tetapi mereka masih kurang pengetahuan tentang tapak warisan. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap individu itu sendiri yang kurang berminat terhadap warisan bandar. Berikut adalah hasil dapatan kajian yang dilakukan ke atas komuniti di kawasan tapak warisan.

Pernah melihat sambutan hari warisan 7 Julai. Kalau siapa-siapa diberi peluang untuk nak mendalamkan pengetahuan sebelum ini kita tak tahu memang ingin pergi tetapi itulah memandangkan kekangan masa dan bertembung dengan kerja (R1, Lelaki, Melayu, 48 Tahun).

Selain itu, terdapat responden yang tidak tahu dan tidak berminat untuk terlibat dengan sebarang program pemuliharaan warisan George Town iaitu seramai lima orang responden (R2, R3, R4, R8 dan R12). Hal ini kerana responden tersebut merasakan tiada keuntungan bagi mereka jika melibatkan diri. Mereka tinggal atau berada di kawasan tapak warisan hanya untuk mencari sumber pendapatan sahaja. Selain itu, mereka tidak kisah sama ada bangunan warisan ini dipulihara ataupun tidak. Sama seperti pendapat Syed Zainol (1994) dalam bukunya yang bertajuk ‘Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar’ yang menjelaskan masyarakat harus menyedari bahawa mengabaikan kepentingan dan sumbangan bangunan lama terhadap identiti bandar akan menyebabkan hilangnya nilai seni bina yang tidak dapat digantikan lagi. Singapura misalnya, kini mulai sedar akan kehilangan ciri-ciri warisan penting dan tinggi nilainya yang terdapat di bandar mereka. Terdapat juga kes terpencil yang melibatkan pihak pengurusan menyebabkan responden (R7) tidak lagi berminat untuk melibatkan diri dengan sebarang bentuk aktiviti. Secara kesimpulannya, bentuk penglibatan komuniti dalam pemuliharaan tapak warisan George Town adalah *intangible*. Hasil dapatan kajian mendapati tidak ramai komuniti melibatkan diri secara langsung dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh stakeholder. Hal ini kerana, penglibatan komuniti adalah secara sukarela maka tiada paksaan untuk komuniti menyertainya atau tidak.

Analisis jenis penglibatan komuniti

Seterusnya, pengkaji ingin melihat apakah jenis penglibatan komuniti dan siapakah yang mendorong mereka untuk terlibat dengan aktiviti pemuliharaan kawasan warisan George Town. Terdapat lima jenis penglibatan komuniti iaitu terlibat secara langsung, secara tak langsung, tidak terlibat, tidak dilibatkan dan tidak berminat. Pertama, dapatan kajian mendapati hanya 8 responden (R6, R14, R15, R22, R23, R25, R26 dan R27) sahaja yang pernah terlibat secara langsung dalam pemuliharaan George Town sebagai tapak warisan daripada 27 orang responden kesemuanya. Responden yang terlibat secara langsung ini

adalah komuniti yang terlibat dengan persatuan tertentu contohnya, persatuan Liga Muslim dan *Indian Community*. Boleh dikatakan bahawa penglibatan komuniti dalam persatuan tertentu masih rendah kerana penyebaran maklumat mengenai tapak warisan George Town hanya kepada ahli persatuan sahaja. Hasil kajian penyelidik terdahulu menyatakan bahawa Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Acheh yang merupakan salah sebuah badan bukan kerajaan yang memperjuangkan aktiviti pemuliharaan bangunan serta nasib masyarakat Melayu Lebuh Acheh telah ditubuhkan hampir 10 tahun tetapi ahli persatunya hanya seramai 100 orang sahaja.

Tahap penglibatan komuniti

Hasil kajian mendapati tahap penglibatan komuniti di tapak warisan masih lagi rendah. Hanya seramai 8 orang responden (R6, R14, R15, R22, R23, R25, R26 dan R27) yang mempunyai tahap penglibatan yang baik. Seperti yang diketahui mereka yang bergiat aktif hanyalah komuniti yang terlibat dengan persatuan tertentu. Hal ini sejajar dengan teori Pretty (1995) iaitu tahap penglibatan responden adalah dalam kategori kendiri apabila penduduk terlibat melalui insiatif sendiri atau kendiri secara bebas. Dengan itu, matlamat projek dicapai dengan jayanya. Namun, penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan daripada kerjaan dan NGO. Menurut pemerhatian penyelidik, perkara ini terjadi disebabkan tidak semua komuniti di kawasan bandar warisan terlibat dengan persatuan tertentu. Oleh itu, mereka kurang mendapat maklumat mengenai program pemuliharaan warisan.

Implikasi dasar

Dapatan kajian ini amat relevan dalam menyumbang kepada penglibatan komuniti dalam pemuliharaan tapak warisan George Town khususnya dan di Malaysia amnya. Pemuliharaan tapak warisan amat penting untuk kesinambungan pengiktirafan oleh UNESCO. Sekiranya tapak warisan tidak dijaga dengan baik maka kemungkinan pengiktirafan tersebut ditarik balik adalah besar. Dengan adanya pengiktirafan sebagai tapak warisan ini, secara tak langsung Pulau Pinang terkenal di mata dunia dan menarik ramai pelancong asing untuk datang bercuti ke Malaysia, seterusnya sektor pelancongan menjadi penyumbang ekonomi yang terbesar.

Konsep kelestarian bandar warisan menyatakan bahawa komuniti merupakan salah satu elemen penting di dalamnya. Namun, berdasarkan dapatan kajian, penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan warisan adalah sangat kurang. Hal ini tidak seiring dengan konsep kelestarian bandar warisan kerana setiap penglibatan komuniti di tapak warisan adalah secara sukarela maka, bilangan yang terlibat dengan aktiviti pemuliharaan adalah sedikit iaitu golongan tertentu sahaja. Oleh yang demikian, pihak yang berkepentingan perlulah mencari jalan bagaimana untuk mempertingkatkan penglibatan komuniti ini dengan merujuk kembali konsep kelestarian bandar.

Seterusnya, meskipun kebanyakan komuniti bandar yang telah ditemui bual telah menetap di kawasan sekitar tapak warisan melebihi 20 tahun, namun mereka masih kurang pengetahuan tentang warisan yang ada di George Town. Tempoh menetap tidak menjamin seseorang itu tahu tentang pemuliharaan warisan, sekiranya dia tidak dilibatkan oleh pihak yang berkepentingan. Komuniti hanya tinggal di kawasan warisan seperti biasa melalui kehidupan mereka tanpa menghiraukan kepentingan pemuliharaan tapak warisan.

Selain itu, tahap pendidikan turut menjadi salah satu faktor mengapa sesetengah responden tidak dapat menjawab soalan mengenai warisan dengan baik. Jawapan mereka hanya berdasarkan pengalaman hidup dan apa yang didengari daripada orang lain dan bukannya maklumat itu mereka dapatkan sendiri melalui penglibatan seperti bengkel, taklimat atau majlis perasmian hari warisan. Manakala hasil dapatan kajian mendapati kebanyakan responden Cina tidak memberikan jawapan yang memuaskan dan menyatakan mereka hanya tinggal di kawasan warisan untuk urusan perniagaan atau kerja sahaja. Mereka tidak mahu terlibat dengan sebarang aktiviti pemuliharaan. Berdasarkan kajian penyelidik, tidak ada seorang pun

responden yang terlibat secara langsung dengan pemuliharaan warisan George Town. Mereka hanya menyatakan sokongan secara lisan sahaja.

Langkah-langkah bagi meningkatkan lagi penglibatan komuniti ialah dengan cara kerjasama antara pihak berkepentingan dengan komuniti setempat. Pihak berkepentingan perlulah membimbing komuniti ke arah kelestarian bandar warisan dengan menerangkan kepentingan dan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk memulihara bandar warisan. Selepas itu, komuniti akan mengambil alih dalam semua proses pemuliharaan. Namun, masih dipantau oleh pihak berkepentingan selain menyediakan dana bagi menampung separuh kos pembaik pulih bangunan warisan.

Kesimpulan

Penglibatan komuniti dilihat masih lagi di tahap rendah oleh yang demikian kesedaran itu perlu wujud dalam setiap diri individu bahawa pentingnya menjaga warisan. Kemudian, barulah kerjasama antara komuniti dan pihak pengurusan terjalin erat dalam semua program yang dilaksanakan bagi memastikan kelestarian warisan terjamin. Sebagai contoh, pihak pengurusan perlulah memperluaskan penglibatan komuniti terhadap semua program pemuliharaan yang dijalankan bukan hanya pihak-pihak tertentu sahaja seperti pemilik bangunan, akademik, kontraktor dan pegawai. Hal ini kerana, kebanyakan komuniti berminat untuk melibatkan diri tetapi tidak dilibatkan kerana tidak termasuk dalam kategori pihak yang disebutkan. Sebagai kesimpulannya, perkembangan pemuliharaan warisan di Malaysia masih lagi baru berbanding dengan negara lain yang sudah lama menguruskan tapak warisan dan mempunyai pelbagai warisan sama ada budaya ataupun semula jadi. Oleh itu, perlu dipertingkatkan lagi usaha dalam pemuliharaan tapak warisan dan melibatkan semua elemen yang terdapat dalam warisan bandar agar kesemua perkembangannya seimbang dan berterusan. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bermula dari kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, PBT, badan bukan kerajaan, NGO dan komuniti itu sendiri agar mendapat impak yang lebih berkesan terhadap pemuliharaan tapak warisan ini.

Rujukan

- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah (2004) Persekutaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti. *Malaysia Journal of Environmental Management* **5**, 3-29.
- A Ghafar Ahmad (1998) Pemuliharaan Masjid Melayu Lebuh Acheh, George Town, Pulau Pinang. *Majalah Penang Past & Present*, Disember, 27-29.
- A Ghafar Ahmad (2009) *Celebrating Malaysia's World Heritage Sites: The Historic Cities of Melaka and George Town*. ACCU Nara International Correspondent: The Second and the Third Regular Report. Cultural Heritage Protection Cooperation Office, Asia/Pacific Cultural Centre for UNESCO (ACCU), Nara, Jepun, 8-9.
- A Ghafar Ahmad (2010) *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Chan NW (1991) The Climate of Penang Island. *Kajian Malaysia* **IX** (1), 62-68.
- Draf Rancangan Kawasan Khas: Pelan Pengurusan Kawasan Pemeliharaan Bandaraya Melaka Bersejarah (2007).
- Er Ah Choy (2013) Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancongan. *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space*, **9** (3), 12-23.
- Er Ah Choy, Habibah Ahmad, Nurul Farahana Mohamed Idris, Hamzah Jusoh, Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Amriah Buang, Nadiah Hanani Abdul Jalil, Nurain Sahazali (2014) Analisis faktor kepuasan pelancong terhadap tarikan pelancongan warisan di Melaka. *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space* **10** (8), 72-86.

- Fatimah Hassan, Zuraini Zakaria, Norsuhana Abdul Hamid, Main Rindam, Fatan Hamamah Yahya (2013) Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berdasarkan pelancongan sumber setempat. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 9 (2), 35-49.
- Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) Jabatan Warisan Negara.
- George Town's UNESCO World Heritage Status: Implications and Challenges in the Road Ahead for Penang (March, 2009). Volume 11, Issue 3. Socio-economic & Environmental Research Institute.
- Hamidi Ismail, Abd Rahim Md Nor, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2013) Penglibatan komuniti dalam aktiviti perancangan ke arah kelestarian alam sekitar bandar. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 2, 968-976.
- Jabatan Warisan Negara (2009) *Warisan Kebangsaan 2009*. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.
- Jabatan Warisan Negara (2007) *50 Warisan Kebangsaan*. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.
- Jabatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1993) *Heritage Building & Conservation Area*, 1993/94.
- Jia Wen (2007) *Stakeholder Participation Approach in Urban Cultural Heritage Management and Conservation*. Brandenburg University of Technology, Cottbus.
- Kamarudin Ngah (1991) *Pengenalan Penyertaan Awam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khoo Su Nin (1993) *Streets of George Town, Penang*. Janus Print and Resources, Pulau Pinang.
- Lembah Lenggong Warisan Dunia UNESCO (2012) Jabatan Warisan Negara.
- Malaysia (1993) *Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988 (Pindaan 1993)*. Kerajaan Negeri Melaka, Melaka.
- Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1985) *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Pulau Pinang*. Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan, Pulau Pinang.
- Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) (2000) *Garis Panduan Rekabentuk untuk Kawasan-kawasan Pemuliharaan di dalam Kawasan Bandaraya George Town, Pulau Pinang*. Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan, Pulau Pinang.
- Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) (1988) *Enakmen Pemeliharaan dan Permugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988 (Pindaan 1993)*. Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, Melaka.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim, Hood Mohd. Salleh (2008) Membangunkan Kuala Kedah sebagai dentinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari. *Prosiding PERKEM, III Jilid 1*, 401-413.
- Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang Kedua. 2001-2010. Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Rei Harada (2008) *The World Heritage Convention's Impact on Local Communities: Can we Utilize the U.S Historic Preservation Approach for the World Heritage Program?* University of Maryland, College Park.
- Siti Norlizaiha Harun (1995) Pemuliharaan dan Pembangunan yang Berterusan. (Tesis Sarjana Sains Perancangan) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (tidak diterbitkan).
- Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah, Mohammad Ahraf Abdul Rahman (2011) *Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mampan*. Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS, Sarawak.
- Syed Zainol Abidin Idid (1996) *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*. Badan Warisan Malaysia.
- Syed Zainol Abidin Idid, Ungku Suraiya Omar (1993) *Conservation Guidelines* - Kertas kerja untuk Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan oleh Badan Warisan Malaysia untuk tujuan penyediaaan garis panduan pemeliharaan.
- UNESCO (1972) *The World Heritage Convention*. [Cited 5 Mei 2014]. Available from: <http://whc.unesco.org/en/convention>.
- Undang-Undang Malaysia (2011) Akta Kawal Sewa (Pemansuhan), Akta (572) 1997.
- Yazid Saleh (2003) Pemuliharaan Bangunan Warisan: Kajian Kes di Melaka dan Pulau Pinang. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Jangka Pendek (Vot F), Universiti Malaya, 11-12 Mac.

Yazid Saleh (2010) *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
Zalina Haji Samadi, Shahril Anwar Mahmud, Mawar Masri (2003) *Pemuliharaan Warisan Senibina Rumah Kedai Bagi Kemakmuran Bandar: Isu dan Cabaran*. Universiti Teknologi MARA, Perak.